

# Qalam

Majalah bulanan terbit tiap-tiap awal bulan Masihi.

Bilangan 8 - Mac 1951 - Senaskah 60 sen

## KEWAJIPAN KITA

-----\*-----\*

Jika kita perhati keadaan dan kedudukan dunia Islam hari ini adalah menunjukkan riaknya bahawa mana-mana kerajaan Islam telah terdiri, telah menyedari kepada sebab-sebab yang melemahkan kedudukan dunia Islam pada umumnya di merata-rata tempat di dalam dunia ini. Bukti nyata bagi keterangan itu ialah dengan adanya beberapa muktamar-muktamar dunia Islam yang besar yang akhirnya dengan Muktamar al-'Alam Islami yang diadakan pada pertengahan bulan Februari yang lalu di Karachi.

Sekalipun muktamar itu sebagai permulaan langkah untuk mengadakan bersefahaman di antara umat Islam sesama Islam bagi maslahat orang Islam kerana menegakkan agama Allah di bumi ini maka adalah diharap natijah daripadanya akan membawa kesan kepada lebih-lebih lagi timbul usaha kerjasama yang rapat di dalam sebuah negeri dengan sebuah negeri itu bagi membela bersama-sama hal ehwal mereka, merapatkan tali persaudaraan yang menghidupkan lagi lebih tebal perasaan "orang-orang Muslimin itu bersaudara yang keadaannya sebagai batu yang bina membina".

Mudah-mudahan di dalam perjumpaan itu sepulangnya ke negeri masing-masing dapatlah tertaja bawaan hidupnya persatuan Islam yang telah runtuh beberapa lamanya itu dibina oleh masing-masing di dalam daerah masing-masing dahulu dengan meletakkan persamaan taraf di antara satu sama lain yang menjadi asas persaudaraan di dalam Islam tidak sebagaimana kedudukan

yang ada hari ini bahawa masih banyak tempat di dalam daerah atau di dalam negeri-negeri itu hidup perbezaan, hidup membezakan di antara seorang dengan seorang, hidup meninggi rendahkan di antara satu dengan lain yang sudah tentu menjatuhkan asas persaudaraan kerana masing-masing dengan perbezaan itu tidak lagi mengendahkan di dalam satu sama lain yang kaya menghendaki supaya ia dibesarkan dengan kerana kekayaannya, yang bangsawan menjauhkan diri atau meninggikan diri daripada orang ramai kerana darah keturunannya sebab yang demikian itu telah kita sedari adalah pengrosak kepada cita-cita dan binaan yang dikehendaki oleh Islam.

Kita telah melihat bahawa semuanya itu adalah menjadi punca-punca bagaimana anasir-anasir lain telah menjadikan mereka itu perkakas untuk melaksanakan cita-cita mereka yang telah berjalan beberapa lamanya sehingga kedudukan orang Islam menjadi suatu kedudukan yang hina sesudah ia meningkat menduduki beberapa lamanya kemuliaan yang tinggi. Kedudukan yang demikian inilah menjadikan sebab as-Syed Jamaluddin al-Afghani meratapinya dengan berkata: "Hai umat yang terdahulu, moyang kami yang gagah perkasa yang mempunyai keberanian dan ketinggian budi yang telah pernah menajak Himalaya dengan kakinya yang merenangi Missisipi dengan badannya - tidakkah kamu lihat dari celah-celah kuburmu akan kehinaan yang telah menimpa keturunanmu, mereka telah jatuh dan rendah tiada berharga lagi!"

Harapan-harapan yang ada sebagai suatu fajar yang telah menyinsing dengan Muktamar Islam di Karachi itu seolah-olah menurut telahan Almarhum Jalal Nuri Basya yang berkata: "Sekarang Barat telah bertambah ganas ke Timur. Menurut tabii yang dijadikan Allah keterlaluan itu akan menjadikan baliknya nanti iaitu suatu perbuatan membawa bangkit dan kesedaran di seluruh benua Asia. Undang-undang hidup adalah menuliskan yang demikian."

Kesedaran-kesedaran umat Islam dengan himpitan-himpitan yang didatangkan kepadanya yang menjadi sebab mereka itu bersatu tidak lain ialah punca-punca yang menghendaki supaya ada persatuan, ada keinsafan bagi kita memikir dan menimbangkan semula kesan-kesannya yang melemahkan kita tidak bersatu itu. Kita

## WASIAT YANG BERHARGA

Janganlah seseorang daripada kamu mengharap atau meminta mati disebabkan oleh menderita kesusahan tetapi jika mesti juga melakukannya maka hendaklah kamu berdoa “Hai Tuhanku hidupkanlah aku selama hidup itu baik bagiku dan ambillah aku sekiranya mati itu adalah baik bagiku.” – al-Hadis riwayat Malik

-----\*-----\*-----

---

(Sambungan daripada muka 3)

di sini telah lama memandang bahawa segala kejadian itu semata-mata sebagai suatu takdir jua. Kita tidak menginsafi bahawa takdir itu adalah penyerahan yang akhir sekali setelah habis segala ikhtiar kita menyampaikan tujuan-tujuan kita.

Sekalipun Muktamar Islam itu diadakan bagi seluruh dunia Islam yang bermakna segala tujuan-tujuannya itu adalah terpikul atau dipikul juga oleh kita di sini sebab kita adalah menjadi salah satu sendi daripada buruk baiknya dunia Islam ini. Kewajipan sebagai salah satu sendi itu ialah memperbaiki keadaan dan taraf kita di sini terlebih dahulu ialah menyelenggarakan rumah tangga kita sebagai anggota keluarga yang lainnya. Mudah-mudahan adanya Muktamar Islam di Karachi itu menjadi perhatian dan pandangan bukannya pada khabar tetapi pada hakikatnya iaitu sebagai suatu pertunjuk kepada kita supaya bekerja mentadbir hal ehwal kita, mengurus nasib kita supaya kelak mudah-mudahan pada suatu masa, kita akan menjadi salah satu anggota muktamar itu setaraf dengan kedudukan mereka yang menganjurkan muktamar Islam itu.

Yang demikian ini tidak suatu perkara yang mustahil kerana percayalah, Allah akan memimpin, akan memberi pertunjuk kepada kita kepada jalan yang demikian itu adanya.

Demi Allah sesungguhnya akulah orang yang setakut-takutnya di antara kamu kepada Allah dan sebakti-baktinya di antara kamu kepada-Nya tetapi aku berpuasa dan akan berbuka, aku sembahyang, aku tidur dan aku kahwin dengan perempuan-perempuan, barangsiapa tidak menurut sunatku maka bukanlah ia daripada golonganku – al-Hadis riwayat Bukhari dan Muslim.

-----\*-----\*-----

Tiga orang tak dikenal melainkan pada tiga keadaan-orang yang sabar pada masa marah, orang yang berani pada masa perang dan kawan pada masa dihajat – kata Arif.

-----\*-----\*-----

Manusia yang sangat kurang akalnyalah orang yang lemah daripadanya. Maksud engkau tidak akan tercapai melainkan dengan bersusah-payah dan kemuliaan itu tidak akan tercapai melainkan dengan budi pekerti. – kata Hukama.

-----\*-----\*-----

Akalmu itu hendaklah di bawah agamamu, perkataanmu di bawah pekerjaanmu dan pakaianmu di bawah darjatmu – kata Hukama.

-----\*-----\*-----

Bejana (tempayan) diuji dengan bunyinya dan akan diketahui baiknya atau retaknya, demikian juga manusia diketahui daripada perkataannya. – kata Hukama.

-----\*-----\*-----

Orang yang bijak itu ialah yang memelihara barang yang ada padanya dan tidak mengundurkan pekerjaan hari ini kepada esok harinya. – Hukama.

-----\*-----\*-----

Hai orang-orang yang beriman jika kamu taat kepada mereka-mereka yang kafir maka mereka akan menarik kamu berputar di belakang – Jadi kamu akan berpaling kepada kerugian. Allah itu Tuhan kamu dan ialah sebaik-baik penolong bagi kamu – al-Quran.

-----\*-----\*-----